

EDISI 5 | DISEMBER 2020



PUSAT WAKAF DAN
ENDOWMEN UTHM
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

Buletin

PUSAT WAKAF DAN ENDOWMEN



Majlis Pelancaran Nombor Plat Khas UTHM

3



Pre-booking Nombor
Plat Khas Siri UTHM

1



Misi Kemanusiaan
Kemboja 2020

2



Kursus Wakaf: Talian
Hayat ke Alam Barzakh

1

Ikuti kami di media sosial



Wakaf UTHM



Wakaf UTHM



pew@uthm.edu.my



07-453 8586 / 8583

SIDANG REDAKSI

Penaung

Hj. Abdul Malek
bin Ibrahim

Penasihat

Pn. Maizatul Fahimah
binti Miskan

Penyelaras

En. Mohd Izar
bin Mustari

Editor

Pn. Maizatul Fahimah
binti Miskan

Reka Grafik

Pn. Ainul Mardhiah
binti Azman

Fotografi

En. Mohd Izar
bin Mustari

Sidang Redaksi

Hj. Abdul Malek bin Ibrahim

Pn. Maizatul Fahimah
binti Miskan

En. Mohd Izar bin Mustari

Pn. Ainul Mardhiah
binti Azman

ISI KANDUNGAN

- 1 Kursus wakaf: Talian Hayat Alam Barzakh
Pre-Booking Nombor Plat Khas Kenderaan Siri UTHM (Staf UTHM sahaja)
- 2 Misi Kemanusiaan Kemboja 2020 Program Wakaf & Infaq bersama UTHM
Perbincangan Pembangunan Wakaf bersama Yayasan Restu
- 3 Pre-Launch Nombor Plat Khas Kenderaan UTHM Terhad 200 nombor
Majlis Pelancaran Nombor Plat Khas Siri UTHM
- 4 Pusat Wakaf dan Endowmen Terima Pengarah Baharu
- 5 Jualan 11.11 Potongan Sebanyak 5% hingga 10% (Jualan Nombor Plat Khas Siri UTHM)
Pemenang Bidaan Nombor Plat Khas Siri UTHM
- 6 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Amanah Endowmen UTHM Bil.1/2020
Mesyuarat Jawatankuasa Syariah Bil.1/2020
- 7 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Wakaf Bil.2/2020
Waqf Advancement Webinar WAW 2020
- 8 Jualan 11.11 Potongan Sebanyak 5% hingga 10% (Jualan Nombor Plat Khas Siri UTHM)
- 9 Wakaf 2020
Endowmen 2020



Facebook

Twitter

Instagram

Pinterest

LinkedIn

Flickr

Official UTHM Johor

www.uthm.edu.my #uthmjohor

"Dengan Hikmah
Kita Meneroka"

Kursus Wakaf: Talian Hayat Alam Barzakh

22 Januari 2020

Kursus Wakaf: Talian Hayat Alam Barzakh telah diadakan pada 22 Januari 2020 bertempat di Bilik Latihan Seri Teratai, Bangunan Pendaftar.

Kursus ini telah disampaikan oleh Ustaz Mustapahayuddin bin Abdul Khalim, Pengarah Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah. Seramai 40 orang peserta telah menyertai kursus ini.

Objektif kursus diadakan bertujuan untuk meningkatkan pemahaman dan pemantapan Wakaf dalam kalangan staf UTHM.



Pre-Booking Nombor Plat Khas Kenderaan Siri UTHM (Staf UTHM sahaja)

29 Januari 2020



Pusat Wakaf dan Endowmen telah mengadakan Pre-Booking Nombor Plat Khas Kenderaan Siri UTHM pada 29 Januari 2020 yang lalu bertempat di Dewan Sultan Ismail, UTHM. Pre-boking ini dibuka khas terhadap kepada Staf UTHM sahaja bagi menghargai jasa mereka.

Sebanyak 200 nombor Kategori Running Number dibuka dengan harga bermula RM 310.00. Hasilnya sebanyak 30 nombor telah di tempah sepanjang program tersebut dijalankan.

Misi Kemanusiaan Kemboja 2020 Program Wakaf & Infaq bersama UTHM

28 Februari - 1 Mac 2020

Pnomph Penh, Kemboja - Sebanyak 51 Telaga Pam Air bernilai RM61,200 telah disumbangkan kepada 3 buah kampung Kampung Trolak, Kampung Chnang dan Kampung Muaf Baru, Pnomph Penh.

Telaga ini dibina bertujuan untuk membekalkan air bersih kepada penduduk setempat sekali gus dapat meningkatkan lagi tahap kesihatan mereka. Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua penyumbang kerana telah bermurah hati mewakafkan sejumlah dana untuk pembinaan telaga pam air ini.



Perbincangan Pembangunan Wakaf bersama Yayasan Restu

10 Mac 2020



Perbincangan Pembangunan Wakaf bersama Yayasan Restu telah diadakan pada 10 Mac 2020 bertempat di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Perpustakaan Tun Aminah, UTHM. Perbincangan ini dipengerusikan oleh Naib Canselor UTHM, Profesor Datuk Ts. Dr. Wahid bin Razzaly. Perbincangan ini diadakan bertujuan untuk membincangkan projek-projek pembangunan wakaf yang akan dibangunkan bersama Yayasan Restu di masa akan datang.

Pre Launch Nombor Plat Khas Kenderaan UTHM Terhadap 200 nombor sahaja

Tawaran Eksklusif buat Warga UTHM (Staf, Pelajar dan Alumni)

9 - 12 Ogos 2020



Rebut peluang istimewa

TAWARAN EKSKLUSIF BUAT WARGA UTHM STAF, PELAJAR, ALUMNI

UNTUK MEMILIKI Nombor Plat Khas UTHM di kenderaan anda!

9 - 12 Ogos 2020
9:30 Pagi - 4:00 Petang
Pusat Wakaf & Endowmen Blok B3, Aras Bawah, UTHM (Berhadapan Pej. Bendahari)

010-8613277 / 07-453 8583 / 8586 | En. Mohd Izar Mustari

Pada 9 hingga 12 Ogos 2020 telah diadakan Pre-Launch Nombor Plat Khas Kenderaan UTHM, terhadap kepada 200 nombor sahaja terdiri daripada 4 kategori iaitu Ruby, Sapphire, Emerald dan Running Number. Tawaran eksklusif ini terbuka khas buat Warga UTHM yang terdiri daripada staf, pelajar dan alumni sahaja.

Majlis Pelancaran Nombor Plat Khas Siri UTHM

18 Ogos 2020

Majlis Pelancaran Nombor Plat Khas Siri UTHM ini telah diadakan pada 18 Ogos 2020 bertempat di Dewan Tunku Ismail, UTHM dan dirasmikan oleh YBhg. Dato' Dr. Mohd Sofi Osman. Penjualan Nombor Plat Khas Kenderaan Siri UTHM ini dijalankan selaras dengan menyahut seruan dan saranan kerajaan yang mahukan setiap universiti awam (UA) berusaha menjana pendapatan sendiri bagi mengurangkan bebanan tanggungan kewangan disamping menampung perbelanjaan mengurus yang semakin mengecil.



Pusat Wakaf dan Endowmen Terima Pengarah Baharu

1 September 2020

Seiring dengan penstrukturan semula beberapa Pusat Tanggungjawab Universiti, menyaksikan Pusat Wakaf dan Endowmen menerima Pengarah Baharu.

Mulai 1 September 2020, Haji Abdul Malek bin Ibrahim telah melapor diri sebagai Pengarah Pusat Wakaf dan Endowmen yang baharu menggantikan Profesor Sr. Dr. Wan Zahari Wan Yusoff yang diberi tanggungjawab mengetuai sebuah pusat tanggungjawab baharu iaitu Pejabat Pembangunan Perniagaan (BizDO).

Sebelum mengetuai Pusat Wakaf dan Endowmen beliau merupakan Pengarah Pejabat Pengurusan Akademik dan juga merupakan antara individu yang turut sama menggerakkan penubuhan Pusat Wakaf dan Endowmen sewaktu beliau mengetuai Pejabat Canselori pada tahun 2016.



Pemenang Bidaan Nombor Plat Khas Siri UTHM, Zahirkan Kebanggaan sebagai Pemiliknya

Ogos - November 2020



Sebanyak 210 nombor telah terjual bermula Ogos sehingga November 2020. Antara kategori yang paling banyak terjual ialah Kategori Running Number iaitu sebanyak 140 nombor diikuti Kategori Rubby sebanyak 33 nombor dan Kategori Sapphire pula sebanyak 27 nombor. Manakala Kategori Emerald sebanyak 8 nombor sahaja yang terjual. Pihak Pusat Wakaf dan Endowmen mengucapkan ribuan terima kasih diatas sokongan padu yang anda berikan kepada UTHM.

Jualan 11.11 Potongan sebanyak 5% hingga 10% (Jualan Nombor Plat Khas Siri UTHM)

11 November 2020



DISCOUNT UP TO 10 %

11.11 SALE

GET YOUR SPECIAL
VEHICLE REGISTRATION NUMBERS " UTHM XXXX "

8.59 AM - 11.59 PM

ORGANIZED BY:
CENTRE FOR WAQF AND ENDOWMENT
010-861 3277 / 07-453 8583 / 07-453 8586



[Learn More](https://ebida.uthm.edu.my/)

<https://ebida.uthm.edu.my/>

Sale 11.11. Jualan Nombor Plat Khas Siri UTHM telah diadakan bermula pukul 8.59 am hingga 11.59 pm. Potongan harga sebanyak 5 peratus hingga 10 peratus telah diberikan kepada pembida yang berjaya membuat bidaan tertinggi pada tarikh tersebut. Terima kasih atas sokongan anda kepada UTHM.

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Amanah Endowmen UTHM Bil.1/ 2020

16 November 2020



Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Amanah Endowmen Bil.1/2020 telah diadakan pada 16 November 2020 bertempat di Dewan Jemaah, Perpustakaan Tun Aminah, UTHM. Mesyuarat ini dijalankan bagi membentangkan beberapa kertas kerja. Laporan pencapaian Endowmen bagi tahun 2020 juga turut dibincangkan di dalam mesyuarat ini. Hal ini bagi memastikan pengurusan dana endowmen dapat berjalan dengan lancar bagi tahun ini dan juga tahun hadapan.

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah Bil. 1/ 2020

29 November 2020



Mesyuarat Jawatankuasa Syariah Bil.1/2020 telah diadakan pada 29 November 2020 secara online. Beberapa kertas kerja telah dibentangkan bagi mendapatkan kelulusan pengeluaran Dana Wakaf UTHM untuk baki manfaat yang boleh diagihkan pada tahun ini dan hadapan. Hasil perbincangan tersebut Jawatankuasa Syariah telah meluluskan pengeluaran agihan manfaat wakaf pada tahun 2020, RM 2, 000 untuk Anugerah Prihatin Wakaf, RM 3, 000 Bantuan Topup kepada 60 orang pelajar dan RM 3, 000 untuk Bantuan kepada 30 orang Staf yang terkena Covid. Manakala untuk tahun 2021 agihan sebanyak RM 3, 000 diluluskan untuk Anugerah Prihatin Wakaf.

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Wakaf Bil. 2/ 2020

30 November 2020



Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Wakaf Bil. 2/2020 telah diadakan pada 30 November 2020 telah diadakan secara online. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Naib Canselor UTHM, Profesor Datuk Ts. Dr. Wahid bin Razzaly. Beberapa projek Wakaf yang telah berjalan tahun 2020 dan perancangan projek tahun 2021 telah dibincangkan didalam mesyuarat ini. Hal ini bagi memastikan pengurusan wakaf tahun 2020 dan tahun 2021 dapat berjalan dengan lancar dan jayanya.

Waqf Advancement Webinar WAW 2020

8 Disember 2020



Waqf Advancement Webinar WAW 2020 telah diadakan secara online pada 8 Disember 2020 bermula pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang. Seramai 11 orang panel dijemput didalam forum ini. Antaranya Tuan Hj. Abdul Malek bin Ibrahim, Pengarah Pusat Wakaf dan Endowmen juga telah dijemput menjadi ahli panel di dalam forum ini dan diminta berkongsi pengalaman dibawah tajuk Nazir Khas Wakaf Negeri Johor.

Jualan 12.12 Potongan sebanyak 5% hingga 10% (Jualan Nombor Plat Khas Siri UTHM)

12 Disember 2020



DISCOUNT UP 5% TO 10 %

12.12 SALE

GET YOUR SPECIAL
VEHICLE REGISTRATION NUMBERS " UTHM XXXX"
8.59 AM - 11.59 PM

ORGANIZED BY:
CENTRE FOR WAQF AND ENDOWMENT
010-861 3277 / 07-453 8583 / 07-453 8586

[Learn More](#)

<https://ebida.uthm.edu.my/>

Sale 12.12. Jualan Nombor Plat Khas Siri UTHM telah diadakan sekali lagi kerana sambutan yang menggalakkan daripada Sale 11.11. Jualan ini telah diadakan bermula pukul 8.59 am hingga 11.59 pm. Potongan harga sebanyak 5 peratus hingga 10 peratus telah diberikan kepada pembida yang berjaya membuat bidaan tertinggi pada tarikh tersebut. Terima kasih atas sokongan anda kepada UTHM.

Wakaf 2020

RM76, 864. 92

Hasil Pelaburan Wakaf 2018 hingga 2020 (Oktober)




Agihan kepada Penerima Manfaat Wakaf

RM 24, 126. 79

30%
(2018 - 2019)

35%
(2020)

10%



RM 7, 686. 49

Pengurusan Wakaf 2018-2020

10%
(2018 - 2019)


5%
(mulai 2020)



RM 6, 619. 18

Majlis Agama Islam Johor 2018-2020

50%



RM 38, 432. 46

Pelaburan Semula

Agihan Manfaat Wakaf

2018	RM 2, 000. 00	Anugerah Prihatin Wakaf
2019	RM 4, 000. 00	Bantuan Raya 40 orang pelajar
	RM 4, 000. 00	Anugerah Wakaf Prihatin
	RM 3, 250. 00	Tajaan Pelajar Susah
2020	RM 2, 000. 00	Anugerah Prihatin Wakaf
	RM 3, 000. 00	Bantuan Topup kepada Pelajar 60 orang
	RM 3, 000. 00	Bantuan Staf terkena Covid 30 orang
2021	RM 3, 000. 00	Anugerah Wakaf Prihatin

Belum diagih

RM 1, 876. 79

Baki Manfaat 2020

Endowmen 2020



RM 249, 643. 06

Kutipan 2020 sehingga 31 Disember 2020



Jumlah Agihan Tahun 2020

RM 151, 439. 40

- Tajaan Yuran Pelajar FKEE**
- Tajaan Yuran Pelajar FAST**
- Tajaan Tabung Khairat Pelajar (HEP)**
- Bantuan Khas Covid Pelajar B40**

RM 439. 40

RM 1, 000. 00

RM 100, 000. 00

RM 50, 000. 00



Penghargaan kepada Penyumbang Budiman

Universiti merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada lebih 450 orang pewakaf dan penyumbang untuk Tabung Wakaf dan Endowmen.

Untuk makluman YBhg. Datuk/ Prof./ Tuan/ Puan, sumbangan yang telah diterima telah diagihkan kepada penerima-penerima yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Wakaf dan Endowmen. Alhamdulillah.

Justeru itu, diharap agar YBhg. Datuk/ Prof./ Tuan/ Puan, kekal menyumbang bersama kami agar kita dapat sama-sama menyebarkan kebaikan dan manfaat ini kepada semua masyarakat disekeliling kita khasnya warga UTHM dan YBhg. Datuk/ Prof./ Tuan/ Puan boleh layari wakaf.uthm.edu.my untuk sebarang makluman berkenaan projek dan produk kami.

Semoga niat murni YBhg. Datuk/ Prof./ Tuan/ Puan akan dibalas dengan ganjaran pahala yang berlipat ganda serta diluaskan rezeki oleh Allah S.W.T.

Dari Abu Hurairah ia berkata, Rasulullah bersabda:

“Sesungguhnya Allah tidak melihat kepada rupa kalian dan harta kalian akan tetapi Dia melihat kepada hati-hati kalian dan perbuatan-perbuatan kalian” (HR. Muslim)

**PUSAT WAKAF DAN ENDOWMEN
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
86400 Parit Raja Batu Pahat Johor**

**Email: pew@uthm.edu.my
Tel: 07- 453 8590/ 8586/ 8583/ 7953
Website UTHM: www.uthm.edu.my
Website PWE: wakaf.uthm.edu.my**



**e-Buletin
PUSAT WAKAF DAN ENDOWMEN**